

08 DEC 1997

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 8 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan permaidani merah setibanya di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dr. Mahathir dijadual pengengerusikan mesyuarat dengan para pegawai Malaysia selama dua jam selepas tiba untuk persiapan bagi sidang kemuncak selama tiga hari yang bermula esok.

Beliau akan menghadiri majlis jamuan yang diadakan oleh Duta Malaysia di Tehran, Mohamad Khalis Ali Hasan malam ini.

Perdana Menteri dijadual mengadakan rundingan dua hala dengan beberapa pemimpin.

Dr. Mahathir juga akan menyaksikan pemeteraian perjanjian usahasama antara syarikat dari Malaysia, Technology Resources Industries Berhad (TRI) dan Telecom Company of Esfahan, Iran pada Khamis. -- BERNAMA

AZZ FAZ